

15 FEB 1996

Mahathir - Komponen

MASA UNTUK INDUSTRI AUTOMOBIL HENTI PERGANTUNGAN KEPADA JEPUN

KUALA LUMPUR, 15 (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sudah sampai masanya industri automobil negara terutama Perusahaan Otomobil Nasional (Proton), menghentikan pergantungan kepada Jepun untuk mendapatkan komponen kereta.

Perdana Menteri berkata dengan kemampuan Proton mengeluarkan hampir 200,000 unit kereta setahun, pergantungan kepada Jepun untuk mendapatkan komponen sudah boleh dikurangkan sebanyak mungkin dan tugas itu boleh diambil alih pelabur tempatan kerana sudah ada ekonomi bidangan.

"Walaupun sudah banyak barangan yang dikeluarkan di Malaysia tetapi barangan ini masih mengandungi komponen-komponen kecil atau yang dipanggil 'child parts' yang diimport khususnya dari Jepun.

"Kita hendak supaya komponen ini dikeluarkan oleh Malaysia sendiri kerana kita sekarang sudah mencapai jumlah kereta yang cukup untuk menjadikan industri pembuatan barangan ini (komponen) menguntungkan," katanya kepada pemberita selepas rakaman ucapan Hari Raya Aidil Fitri melalui Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata pergantungan yang berterusan kepada Jepun untuk mendapatkan komponen kereta juga merupakan antara punca import negara terus meningkat, sekaligus menyumbang kepada defisit imbalan pembayaran.

Katanya kerajaan juga sering terpaksa meluluskan permohonan Proton untuk menaikkan harga kereta nasional setiap kali nilai Yen meningkat.

"Kita nak kurangkan kesan naik turun Yen. Sekarang ini nilai Yen turun sedikit tetapi pada satu ketika ia naik sehingga 80 yen bagi satu dollar Amerika. Pada ketika itu harga barangan kita juga meningkat kerana kita import dari Jepun," katanya.

Dr Mahathir, yang akan melakukan lawatan tidak rasmi ke Jepun dari 25 hingga 27 Februari ini, berkata beliau akan menggunakan kesempatan itu untuk melihat kemudahan dan cara pengeluaran bahan-bahan komponen yang diperlukan oleh industri automobil negara, terutama Proton.

Perdana Menteri yakin rakyat Malaysia mampu membuat komponen-komponen yang masih diimport itu seperti mana mereka mampu membuat pelbagai barangan lain di negara ini dengan menggunakan teknologi asing.

"Skill (kemahiran) memanglah perlu dipertingkatkan tetapi bukanlah sukar untuk kita kuasai. Kalau ada kemahuan kita boleh kuasai dan kita mesti belajar untuk memperbaiki lagi teknologi yang kita dapat supaya bukan sahaja setanding dengan orang lain tetapi lebih daripada itu," katanya.

Ketika ditanya sama ada beliau berpuas hati dengan tahap pemindahan teknologi Jepun kepada rakan usaha sama mereka dalam industri automobil tempatan, Dr Mahathir berkata mana-mana negarapun tidak akan memindahkan semua kepakaran mereka kepada negara lain.

"Umpamanya teknologi kita berkenaan dengan klon getah dan kelapa sawit, kita tak bagi kepada orang. Kalau kita bagipun yang tak berapa baiklah," katanya.

Perdana Menteri berkata negara pembekal teknologi hanya bersedia memindahkan semua kepakaran mereka kepada negara lain jika dibayar royalti.

Bagaimanapun, beliau berkata pembayaran royalti itu akan meningkatkan kos pengeluaran negara yang menerimanya sehingga menyebabkan industri yang diceburi dengan teknologi itu sukar bersaing.

Apa yang perlu dilakukan, kata Dr Mahathir, ialah teknologi yang diterima hendaklah dipelajari dan diperbaiki oleh rakyat Malaysia supaya mereka mampu mengeluarkan barangan yang lebih baik dari negara asal

pembekal. -- BERNAMA
AH MAI